

11 JUN 1998

Komanwel-Tiket

BARISAN NASIONAL DIPELAWA JUAL TIKET SUKAN KUALA LUMPUR '98

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Sebagai langkah meningkatkan penjualan tiket bagi Sukan Kuala Lumpur '98, Ticket Express Sdn Bhd mempelawa parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) menyertai program vendornya.

Bagi memudahkan proses permohonan, Ticket Express akan membuka pondok di kempen "Dana Untuk Malaysia" anjuran BN di Dataran Merdeka di sini Ahad ini, yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami mengesyorkan agar vendor dilantik pada setiap bahagian dan cawangan parti masing-masing yang mempunyai kemudahan Internet," kata pengerusi eksekutif Ticket Express, Datuk Sri Ram Sarma dalam satu kenyataan hari ini.

Program vendor dibuka kepada mana-mana pertubuhan atau badan perniagaan yang mempunyai hubungan Internet bagi membolehkan vendor berkenaan menjadi ejen jualan tiket Sukan Komanwel ke-16.

"Dan dengan menyertai program ini, mereka berpeluang memperolehi pendapatan tambahan bagi kawasan masing-masing kerana setiap vendor menerima bayaran RM2 bagi setiap tiket yang dijual," katanya.

Beliau berharap dengan penglibatan parti-parti komponen BN dalam program vendor itu, lebih banyak anggota parti akan menonton Sukan itu yang dijadual berlangsung pada 11-21 September ini di samping membantu peningkatan jualan tiket.

Katanya, orang ramai boleh membuat tempahan pada pondok Ticket Express, dan tiket sebenar akan hanya diperolehi pada penghujung Julai.

Ticket Express kini dalam proses melantik vendor dan berharap mengumumkan senarai 500 vendor seluruh negara menjelang akhir bulan ini, tambahnya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai tiket, program vendor dan bagaimana membeli tiket, orang ramai boleh menghubungi Ticket Express 603-4454455.

-- BERNAMA

MS ZAB